

KAEDAH PENGENALPASTIAN *MAQASID AL-SYARIAH*: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA PEMIKIRAN ‘IZZ AL- DIN ABDUL SALAM DENGAN IBN ‘ASYUR

METHOD OF IDENTIFYING MAQASID AL-SHARIAH: A COMPARATIVE STUDY OF ‘IZZ AL-DIN IBN ‘ABD AL-SALAM AND IBN ‘ASYUR

Norashikin Ahmad¹
Mohd Shukri Hanapi² *

¹Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 USM, Pulau Pinang
(humaira9011@gmail.com)

²Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 USM, Pulau Pinang.
(hshukri@usm.my)

*Corresponding author: hshukri@usm.my

Article history

Received date : 12-5-2025
Revised date : 12-5-2025
Accepted date : 18-6-2025
Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Ahmad, N., & Hanapi, M. S. (2025). Kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah*: Kajian perbandingan antara pemikiran ‘Izz Al-Din Abdul Salam dengan Ibn ‘Asyur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 401 - 410.

Abstrak: *Maqasid al-syariah* merupakan salah satu daripada disiplin ilmu usul fiqh. Ia mempunyai peranan penting dalam menyelesaikan permasalahan umat yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan. Oleh itu, bagi mencapai matlamat syariat perlulah difahami dan diketahui secara terperinci kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* supaya penggunaannya betul dan tepat. Hal ini disebabkan penggunaan *maqasid al-syariah* secara bebas tanpa penguasaan yang mahir mampu menyumbangkan kepada pemikiran liberal yang mengutamakan akal melebihi kehendak nas. Terdapat sebilangan ulama telah mengemukakan kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* seperti ‘Izz al-Din Abdul Salam dan Ibn ‘Asyur. Persoalannya, apakah kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* menurut pemikiran ‘Izz al-Din Abdul Salam dan Ibn ‘Asyur? Apakah perbezaan kaedah antara kedua-dua tokoh pemikiran *maqasid al-syariah* ini? Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, kajian ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* menurut ‘Izz al-Din Abdul Salam dan Ibn ‘Asyur; dan kedua, menganalisis perbezaan kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* antara ‘Izz al-Din Abdul Salam dengan Ibn ‘Asyur. Bagi mencapai kedua-dua objektif kajian, makalah ini menggunakan kaedah kualitatif. Data-data dikumpul melalui tinjauan dokumen, kemudian dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa terdapat persamaan kaedah pengenaltastian iaitu iaitu al-Quran, Hadith dan istiqlal, manakala perbezaan terdiri daripada lima kaedah iaitu ijmak, qiyas, istidlal, akal dan eksperimen atau pengalaman (tajribah).

Kata Kunci: *kaedah, maqasid al-syariah, ‘Izz al-Din Abdul Salam, Ibn ‘Asyur*

Abstract: *Maqasid al-Shariah constitutes an essential aspect of usul al-fiqh, serving a crucial role in addressing contemporary issues faced by the Muslim ummah across various domains of life. Achieving the objectives of the Shariah necessitates a clear and precise understanding of the methods used to identify maqasid al-Shariah. Misapplication or insufficient mastery of these methods may lead to liberal interpretations that elevate reason above the textual sources of Islam. This study focuses on the methodological approaches proposed by two prominent scholars, 'Izz al-Din Abdul Salam and Ibn 'Ashur, in identifying maqasid al-Shariah. Specifically, it aims to: (i) examine the methods employed by both scholars and (ii) analyze the differences in their respective approaches. Adopting a qualitative methodology, the study relies on document analysis and employs content analysis as the main technique for data interpretation. The findings indicate that both scholars share three primary sources in their identification of maqasid: the Qur'an, Hadith, and istiqlal (inductive reasoning). However, differences arise through the use of five distinct methods: ijma' (consensus), qiyas (analogical reasoning), istidlal (reasoning), istiqlal (deductive reasoning), 'aql (reason), and tajribah (empirical observation or experience). This comparative analysis provides deeper insights into the diversity of methodological frameworks within the discourse of maqasid al-Shariah.*

Keywords: *method, maqasid al-syariah, 'Izz al-Din Abdul Salam, Ibn 'Asyur*

Pengenalan

Maqasid al-syariah merupakan sebahagian daripada ilmu usul fiqh yang semakin berkembang perbincangannya dan diwacanakan dalam pelbagai bidang aspek kehidupan manusia. Ia diteliti dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, fatwa dan undang-undang Islam. Seiring dengan arus perkembangan semasa, *maqasid al-syariah* juga mengalami proses perkembangan ilmu pengetahuan. Sekurang-kurangnya terdapat tiga sebab. Pertama, *maqasid al-syariah* tidak lagi menjadi subtopik kepada *masalih mursalah*, malah ia telah terbentuk menjadi satu disiplin ilmu yang tersendiri melalui gagasan pemikiran para sarjana Islam. Kedua, fokus perbincangan dalam *maqasid al-syariah* telah berubah. Ketiga, perbincangan *maqasid al-syariah* tidak hanya tertumpu kepada lima aspek penjagaan sahaja sebagaimana yang dikemukakan oleh sarjana aliran tradisional. Namun begitu, penggunaan *maqasid al-syariah* yang digunakan secara bebas tanpa penguasaan yang mahir mampu menyumbangkan kepada pemikiran liberal yang mengutamakan akal melebihi kehendak nas (Muhammad Sayuti Mansor & Mohd Anuar Ramli, 2016:228). Oleh itu, bagi mencapai matlamat syariat perlulah difahami dan diketahui secara terperinci kaedah untuk mengenal pasti *maqasid al-syariah* supaya penggunaannya betul dan tepat. Terdapat sebilangan ulama *syariah* telah mengemukakan kaedah pengenalan *maqasid al-syariah*. Antaranya ialah 'Izz al-Din Abdul Salam dan Ibn 'Asyur.

Persoalannya, apakah kaedah pengenalan *maqasid al-syariah* menurut pemikiran 'Izz al-Din Abdul Salam dan Ibn 'Asyur? Apakah perbezaan kaedah antara kedua-dua tokoh pemikiran *maqasid al-syariah* ini? Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, kajian ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti kaedah pengenalan *maqasid al-syariah* menurut 'Izz al-Din Abdul Salam dan Ibn 'Asyur; dan kedua, menganalisis perbezaan kaedah pengenalan *maqasid al-syariah* antara 'Izz al-Din Abdul Salam dengan Ibn 'Asyur.

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian; kedua, membincangkan dapatan bagi kajian iaitu definisi *maqasid al-syariah*, pemikiran *maqasid al-syariah* 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dan Ibn 'Asyur dan kaedah pengenalan *maqasid al-*

syariah menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dan Ibn ‘Asyur; ketiga, analisis perbandingan kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* antara pemikiran ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dengan Ibn ‘Asyur; dan keempat, kesimpulan.

Metodologi

Perbincangan dalam kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan data sekunder. Data sekunder yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu. Data-data ini akan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Analisis kandungan dipilih disebabkan oleh data yang dikumpul adalah berbentuk jurnal, tesis, buku dan penulisan-penulisan yang berkaitan dengan *maqasid al-syariah* dan biografi ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dan Ibn ‘Asyur. Oleh itu, kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis method*).

Dapatan dan Perbincangan

Secara umumnya, perbincangan dalam kertas kerja ini merangkumi empat perkara utama. Pertama, definisi *maqasid al-syariah*; kedua, pemikiran *maqasid al-syariah* menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dan Ibn ‘Asyur; ketiga, kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam; dan keempat, kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* menurut Ibn ‘Asyur. Perincian dibincangkan sebagaimana berikut:

Definisi *Maqasid Al-Syariah*

Maqasid al-syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. *Maqasid* ialah maksud atau tujuan. Asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab ialah *qasda* yang bermaksud menuju, arah, berjalan lurus, memecahkan, pegangan, punca, kelurusan, keadilan, dan kesederhanaan (Ibn Manzur, 1993 & al-Fayruz Abadiy, 1997:449). Perkataan *qasda* pula bererti tongkat. Tongkat memberi banyak faedah kepada manusia iaitu dapat membantunya dan menuntunnya ketika berjalan. Kata *jama‘ maqsad* ialah *maqasid* (al-Fayruz Abadiy, 1997:449).

Perkataan *al-syariah* pula berasal daripada perkataan Arab *syara’*. Menurut *fuqaha’* (ahli fiqh), *syariah* bermaksud hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui hamba-Nya supaya mereka mentaati segala hukum dan peraturan yang terkandung di dalamnya. Hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT merangkumi tiga aspek penting dalam kehidupan. Pertama, hukum *tafsiliyyah* (terperinci) seperti kewajipan mengeluarkan zakat; kedua, hukum-hukum berkenaan akidah; dan ketiga, hukum-hukum berkaitan akhlak iaitu perbuatan yang mendekatkan seseorang dengan Tuhannya. Perbuatan tersebut adalah perkara ibadah yang dilakukan oleh setiap manusia (Ruzian Markom, 2003:15-16). Menurut Ibn Manzur (1993) pula bermaksud menerangkan serta menunjukkan jalan. Apabila digabungkan perkataan *maqasid* dan *syariah* maka terbentuklah istilah *maqasid al-syariah*.


Pemikiran *Maqasid Al-Syariah* menurut ‘Izz Al-Din ‘Abd Al-Salam Dan Ibn ‘Asyur

Maqasid al-syariah merupakan satu disiplin ilmu yang semakin berkembang melalui perbincangan dan pengaplikasiannya dalam pelbagai bidang. Pada awalnya, ilmu ini dipelopori oleh ulama tradisional. Antaranya ialah ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam. ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam menggunakan istilah *maqasid al-syariah* ketika menerangkan tentang tujuan penulisan kitab beliau iaitu *Qawaid al-ahkam fi masalih al-anam*. Dalam kitab tersebut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam mengemukakan idea tentang *maqasid al-syariah* di samping menjelaskan secara terperinci bahawa teori tersebut berkonsepkan *maslahah* dan *mafsadah*. Kedua-dua teori ini menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam adalah merujuk kepada *maqasid al-syariah*. Menurut ‘Izz

al-Din ‘Abd al-Salam, *maqasid al-syariah* ialah ilmu yang membincangkan tentang manfaat dan kebaikan disebalik ketaatan, muamalat dan tingkah laku manusia supaya manusia berusaha untuk mendapatkannya selain menerangkan kesalahan-kesalahan yang perlu dihindari. Hal ini disebabkan syariat yang diturunkan kepada hambanya mengandungi manfaat dalam dua bentuk. Pertama, menolak perkara yang memudaratkan untuk menghasilkan manfaat; dan kedua, syariat yang datang bersama dengan manfaat.

Seterusnya, Ibn ‘Asyur (2001) pula mendefinisikan *maqasid al-syariah* sebagai maksud atau rahsia yang boleh difahami daripada syariat Islam dalam keseluruhan atau sebahagian besar proses pensyariatan. Beliau membahagikan *maqasid al-syariah* kepada dua bahagian. Pertama, *maqasid ammah* iaitu makna dan hikmah dalam setiap pensyariatan dan merupakan matlamat syariat yang merangkumi keseluruhan atau sebahagian secara umum. Misalnya, memelihara kesejahteraan umat dan membina kekuatannya, mewujudkan kemaslahatan, menghindari kemudaratkan, membina kesamaan di antara manusia dan menjadikan syariat sesuatu yang mulia dan dipandang tinggi. Kedua, *maqasid khassah* iaitu mengaplikasikan objektif umum dalam setiap tingkah laku manusia. Misalnya, membayar hutang melalui kaedah gadaian dan membentuk keluarga melalui perkahwinan.

Kaedah Pengenalpastian *Maqasid Al-Syariah* menurut ‘Izz Al-Din ‘Abd Al-Salam
Terdapat tujuh kaedah pengenalpastian *maqasid al-syariah* menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (1998 & 1999). Rajah 1 menunjukkan ringkasan kaedah pengenalpastian *maqasid al-syariah* menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam.



Rajah 1: Kaedah Pengenalpastian *Maqasid Al-Syariah* menurut ‘Izz Al-Din ‘Abd Al-Salam

Sumber: Diadaptasi dari Kitab *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam* (1998:222)

Pertama, al-Quran yang merupakan sumber utama dalam perundangan Islam diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW. Di dalamnya terkandung pelbagai penjelasan tentang akidah, syariah dan akhlak. Hadith pula merupakan sumber utama selepas al-Quran yang lahir daripada perkataan, perbuatan atau pengakuan Nabi Muhammad SAW. Sumber utama ini memainkan peranan penting dalam menafsirkan teks-teks dalam al-Quran, menjelaskan petunjuk,

menyelesaikan permasalahan makna selain mensyariatkan hukum tersendiri (Mustafa Ahmad al-Zarqa', 1998:73-86; Mohamad Akram Laldin, 2011:55).

Nabi Muhammad SAW diutuskan supaya mendidik dan mengajar manusia tentang syariat Islam untuk dipraktikkan supaya menepati kehendak-Nya. Kesempurnaan syariat tidak akan wujud melainkan autoriti Hadith diterima seiring dengan al-Quran (Mohd Hapiz Mahayadin, 2018:21). 'Izz al-Din 'Abd al-Salam menggunakan istilah *al-kitab* dan *al-sunah* dan *naqal* merujuk kepada *maqasid al-syariah*. Beliau menegaskan terdapat banyak dalil-dalil dalam al-Quran yang membahaskan tentang *maslahah* dan *mafsadah* yang berkaitan dengan kehidupan manusia sama ada di dunia dan akhirat (al-Nisa', 4:147)¹.

Kedua, ijmak yang bermaksud kesepakatan pendapat antara fuqaha dalam mengeluarkan hukum selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Ia menjadi sumber hukum selepas Hadith dalam mengeluarkan hukum (Mustafa Ahmad al-Zarqa', 1998:73-86). Dalam karyanya, beliau tidak menerangkan dan membahaskan berkenaan ijmak secara terperinci. Namun, 'Izz al-Din 'Abd al-Salam ada menyebut secara tidak langsung bahawa ijmak adalah persetujuan para mujtahid yang sudah pasti akan mengutamakan *maslahah* kepada manusia dalam sesuatu perkara ('Izz al-Din 'Abd al-Salam, 1998:222; Umar Ibn Saleh Ibn Umar, 2013:189). Oleh itu, ijmak juga merupakan salah satu daripada kaedah untuk mengenali *maqasid al-syariah*.

Ketiga, qiyas iaitu menyamakan sesuatu hukum yang baru dengan hukum yang terdahulu yang dinaskan kerana terdapat persamaan sebab (*illah*). Penghujahan qiyas datang selepas al-Quran, Hadith dan ijmak (Mustafa Dib al-Bugha, 1993:23; Mohd Hapiz Mahayadin, 2018:43). Menurut 'Izz al-Din 'Abd al-Salam (1998:222) dan Umar Salih (2003:190) penggunaan qiyas dalam perbincangan *maslahah* dan *mafsadah* menggunakan qiyas yang muktabar (*qiyas al-mu'tabar*). Ia merupakan penghubung atau persamaan *illah* terhadap sesuatu perkara yang belum dinyatakan ketentuan hukumnya oleh nas.

Keempat, *istidlal* yang bermaksud pembuktian. Ia terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, *istidlal mubasyir* (secara langsung); dan kedua, *istidlal ghayr mubasyir* (secara tidak langsung). *Istidlal mubasyir* (secara langsung) ialah pembuktian yang tidak memerlukan pernyataan lain untuk menghasilkan kesimpulan, manakala *istidlal ghayr mubasyir* (secara tidak langsung) pula sebaliknya. Ia merupakan kaedah pembuktian secara langsung yang memerlukan pernyataan lain untuk membuat kesimpulan. Menurut 'Izz al-Din 'Abd al-Salam (1998:192), meneliti dalil yang betul di sini bermaksud mencari dalil atau sumber hukum bagi sesuatu permasalahan yang belum diketahui hukumnya. Hal ini memberi ruang yang lebih luas dari *istinbat* kerana *istidlal* berusaha mencari dalil atau sumber hukum. Selain itu, *istidlal* juga merupakan proses untuk mendapatkan hukum bagi sesuatu permasalahan yang belum mempunyai hukum.

Kelima, akal yang merupakan suatu alat dimiliki oleh manusia yang mahu berfikir dan hasil daripada usaha berfikir dikenali sebagai hasil fikiran (Shahibuddin Laming, 2006). Tambah Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali, Nasir Mohamad, Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Norhilmi Muhammad dan Fazida Karim (2014), ia merupakan anugerah Allah SWT yang penting dalam hidup manusia untuk menjadikan kehidupan lebih sempurna. Menurut 'Izz al-Din 'Abd al-Salam (1998), salah satu cara untuk mengenal pasti *maslahah* dan *mafsadah* dalam hal keduniaan adalah dengan menggunakan akal, manakala akhirat pula dapat diketahui dengan

¹ "Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu; Bukti dari Tuhan dan Kami telah turunkan kepadmu (al-Quran sebagai) Nur (cahaya) Yang menerangi (segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia dan kebahagiaan yang kekal di akhirat)".

nas syarak. Senada dengan ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (1998) ialah Zaharuddin Abd. Rahman (2014) yang menyatakan akal mempunyai kemampuan untuk memahami kemaslahatan di dunia daripada hukum syarak, meskipun nas tidak menyebut secara jelas. Namun, hal ini tidak bermaksud akal mampu melakukannya secara mutlak. Hal ini kerana pengenalpastian *maqasid al-syariah* perlu kepada panduan dan kelayakan tertentu.


Keenam, *tajribah* yang bermaksud eksperimen atau pengalaman. ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (1998) menyatakan *tajribah* merupakan salah satu kaedah untuk mengenali *maqasid al-syariah*. Di samping itu, al-Ghazaliy juga berpandangan bahawa akal yang mulia tidak mencukupi untuk memahami *masalahah* dan *mafsadah*. Hal ini kerana *tajribah* (eksperimen) dan penelitian yang terperinci sebagaimana yang dilakukan dalam ilmu perubatan yang terhasil daripada percubaan eksperimen yang banyak memberi manfaat dalam kehidupan manusia.

Ketujuh, *istiqla*’ iaitu menyelidiki, meneliti, dan memeriksa dengan teliti. Dari sudut bahasa pula *istiqla*’ bermaksud kaedah induksi iaitu kaedah umum yang dihasilkan daripada uraian khusus. Ia merupakan sebahagian daripada kaedah ilmu mantik. *Istiqla*’ ialah kaedah yang dilakukan kepada perkara-perkara *juz’iyyah* (khusus) sepenuhnya atau sebahagian daripadanya untuk sampai kepada kesimpulan umu yang mencakupi keseluruhan perkara *juz’iyyah* (Al-Habannakah, 1993; Ibrahim Ahmad Mahfuz & Muhammad Husayni Musa al-Ghazali, 2011).

Menurut ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (1998), *istiqla*’ merupakan kaedah yang boleh diaplikasikan dalam menentukan *masalahah* dan *mafsadah*. ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (1998) sentiasa menegaskan bahawa *istiqla*’ merupakan kaedah yang mesti digunakan dalam memahami *maqasid al-syariah*. Begitu juga dengan al-Ghazaliy yang menyatakan bahawa sekiranya setiap perkara perlu ada *masalahah*, namun tidak ada nas atau ijmak ulama, maka kefahaman melalui syariah diwajibkan untuk menyelesaikan permasalahan iaitu dengan cara *istiqla*’ *al-mu’tabar* (Umar Ibn Saleh Ibn Umar, 2003:206).

Kaedah Pengenalpastian *Maqasid Al-Syariah* Menurut Pemikiran Ibn ‘Asyur

Menurut Ibn ‘Asyur (2001), terdapat tiga kaedah untuk mengenal pasti *maqasid al-syariah*. Rajah 2 menunjukkan ringkasan kaedah pengenalpastian *maqasid al-syariah* menurut Ibn ‘Asyur.



Rajah 2: Kaedah Pengenalpastian *Maqasid Al-Syariah* Menurut Ibn ‘Asyur

Sumber: Diadaptasi dari Kitab *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah* (2001)

Pertama, al-Quran yang mengandung dalil-dalil al-Quran yang jelas. Misalnya ayat yang menerangkan tentang kewajiban berpuasa. Allah SWT berfirman yang bermaksud;

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”
(al-Baqarah, 2:183).

Dalam ayat ini lafaz *kutiba ‘alaykum al-siyam* yang memaparkan arahan yang jelas untuk melakukan ibadah puasa. Berdasarkan surah al-Baqarah (2) ayat 183 dapat difahami bahawa setiap *mukallaf* perlu menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Kedua, Hadith yang mutawatir sama ada mutawatir secara maknawi atau amali. Hadith mutawatir maknawi bermaksud *maqasid* yang difahami dari pengalaman para sahabat melalui perbuatan Nabi Muhammad SAW. Hadith mutawatir secara maknawi pula bermaksud *maqasid* yang boleh difahami melalui perbuatan sahabat yang dilakukan berulang kali.

Ketiga, penelitian (*al-istiqra’*). Kaedah penelitian dilakukan secara induktif berdasarkan dalil-dalil yang mempunyai *illah* (sebab) yang sama sehingga *illah* tersebut terbukti dikehendaki oleh syarak iaitu menepati *maqasid al-syariah*. Misalnya, larangan meminang perempuan yang telah dipinang oleh orang lain. *Illah* dari larangan tersebut adalah menghalang sifat nafsu yang menghalang kepentingan orang lain. Selain itu, kaedah ini juga dilakukan dengan memahami dalil-dalil hukum yang mempunyai *illah* yang sama sehingga yakin bahawa *illah* tersebut adalah *maqasid*. Misalnya, larangan membeli produk makanan yang tidak ada ketika akad jual beli. Dari *illah* tersebut mujtahid dapat mengetahui bahawa *maqasid* dalam proses jual beli bertujuan mengembangkan lagi produk makanan dengan lebih baik dan memberi kesenangan kepada pengguna untuk mendapatkan produk.

Analisis Dapatan dan Perbincangan

Maqasid al-syariah merupakan satu disiplin ilmu yang mempunyai disiplinnya yang tersendiri. Salah satu daripada perbincangan ilmu *maqasid al-syariah* ialah kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah*. Hal ini disebabkan pengetahuan tentang kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* dapat membantu para mujtahid untuk mengeluarkan sesuatu hukum yang bersesuaian dengan keadaan semasa secara tepat. Terdapat tiga golongan yang menetapkan kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* menurut pemikiran mereka. Pertama, golongan *al-Zahiriyyah*. Golongan ini berpendapat bahawa, *maqasid al-syariah* hanya boleh dikenalpasti berdasarkan nas secara langsung. Kedua, golongan *Batiniyyah*. Golongan ini berpandangan bahawa *maqasid al-syariah* boleh dikenalpasti melalui maksud di sebalik zahir nas. Ketiga, golongan *al-Rasikhin* yang menggunakan pendekatan nas sama ada zahir dan juga melihat *ta’lil al-ahkam* yang terhasil dari nas (Asfari Jaya Bakri, 1996:90-91; Hasbullah Mat Daud, 2011;103; Mohd Rumaizuddin Ghazali; 2013).

Bagi mengenal pasti *maqasid al-syariah* diteliti dengan lebih tepat, ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dan Ibn ‘Asyur telah mengemukakan pendapat tentang kaedah untuk mengenal pasti *maqasid al-syariah*. Jadual 1.1 menunjukkan perbandingan antara kaedah pengenaltastian *maqasid al-syariah* antara pemikiran ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dengan Ibn ‘Asyur.

Jadual 1.1: Perbandingan Kaedah Pengenalpastian *Maqasid Al-Syariah* menurut Pemikiran ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dan Ibn ‘Asyur

Bil.	‘Izz Al-Din ‘Abd Al-Salam	Ibn ‘Asyur
1	Al-Quran dan Hadith adalah kaedah yang paling utama dalam menentukan <i>maqasid al-syariah</i> .	Al-Quran dan Hadith yang mutawahir secara maknawi dan amali.
2	Menggunakan ijmak sebagai kaedah untuk mengenalpasti <i>maqasid al-syariah</i> .	Tidak menyebut ijmak sebagai kaedah pengenalpastian <i>maqasid al-syariah</i> .
3	Perbincangan dalam teori <i>masalah</i> dan <i>mafsadah</i> menggunakan qiyas yang muktabar.	Tidak menyebut qiyas yang muktabar sebagai kaedah pengenalpastian <i>maqasid al-syariah</i> .
4	Meneliti dalil yang sahih (<i>istidlal</i>) bagi sesuatu permasalahan yang belum diketahui hukumnya.	Tidak menyebut dalil yang sahih sebagai kaedah pengenalpastian <i>maqasid al-syariah</i> .
5	Menggunakan akal untuk mengenal pasti <i>maqasid al-syariah</i> dalam perkara yang berkaitan keduniaan, manakala perkara yang berkaitan akhirat pula dapat diketahui melalui nas syarak.	Tidak menyebut akal sebagai kaedah pengenalpastian <i>maqasid al-syariah</i> .
6	Menggunakan kaedah <i>istiqla</i> ’ sebagai kaedah pengenalpastian <i>maqasid al-syariah</i> yang merujuk kepada konsep <i>masalah</i> dan <i>mafsadah</i> .	Menggunakan kaedah <i>istiqla</i> ’ sebagai kaedah pengenalpastian <i>maqasid al-syariah</i> .
7	Menggunakan eksperimen atau pengalaman (<i>tajribah</i>) dalam mengenal pasti <i>maqasid al-syariah</i> .	Tidak menyebut eksperimen atau pengalaman (<i>tajribah</i>) sebagai kaedah pengenalpastian <i>maqasid al-syariah</i> .

Berdasarkan Jadual 1.1, didapati kaedah yang dikemukakan oleh ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dan Ibn ‘Asyur mempunyai persamaan dan perbezaan dalam mengenal pasti *maqasid al-syariah*. Terdapat dua persamaan kaedah antara kedua-dua tokoh ini. Pertama, menggunakan al-Quran dan Hadith. Dalam meneliti *maqasid al-syariah*, ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam menggunakan tiga istilah yang merujuk kepada nas al-Quran iaitu *al-syar*’, *al-naqal*, dan *al-kitab* apabila membincangkan perkara berkaitan *maqasid al-syariah*. Ibn ‘Asyur menambah bahawa *maqasid al-syariah* dapat difahami secara langsung dari nas al-Quran. Namun begitu, terdapat juga sebahagian ayat al-Quran yang mempunyai makna yang tidak jelas. ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam berpendapat bahawa, dalam meneliti *maqasid al-syariah* mujtahid perlulah memahami lafaz daripada nas al-Quran tentang larangan atau suruhan. Lafaz tersebut memfokuskan kepada pemahaman lafaz suruhan yang akan menghasilkan *masalah* dan lafaz larangan untuk menolak *mafsadah*. Di samping itu, Ibn ‘Asyur menerangkan secara jelas bahawa *maqasid al-syariah* juga dapat ditentukan melalui Hadith yang mutawahir sama ada Hadith tersebut maknawi atau amali.

Kedua, kaedah *istiqla*’. ‘Izz al-Din Abd al-Salam dan Ibn ‘Asyur bersetuju bahawa *istiqla*’ sebagai salah satu daripada kaedah pengenalpastian *maqasid al-syariah*. Dalam melakukan penelitian, ‘Izz al-Din menegaskan bahawa *istiqla*’ adalah satu kaedah yang wajib diaplikasikan dalam memahami *maqasid al-syariah* (Umar Ibn Saleh Ibn Umar, 2003: 206). Selain itu, kaedah ini juga digunakan oleh ulama-ulama lain seperti al-Ghazaliy (Zaharuddin Abd Rahman, 2014: 115-116).

Seterusnya, terdapat lima perbezaan kaedah antara kedua-dua tokoh *maqasid al-syariah* ini. Menurut 'Izz al-Din Abd al-Salam (1998), ijmak, qiyas yang muktabar, dalil yang sahih, akal dan eksperimen atau pengalaman (*tajribah*) juga merupakan kaedah untuk mengenal pasti *maqasid al-syariah*. Selain 'Izz al-Din 'Abd al-Salam, ulama-ulama *maqasid al-syariah* yang lain juga bersetuju dengan kaedah-kaedah ini. Antaranya al-Syatibiy dan Ibn Taymiyyah al-Harrani (Zaharuddin Abd Rahman, 2014: 115-116).

Melalui kajian perbandingan kaedah pengenalanpastian *maqasid al-syariah* ini dapat disimpulkan bahawa kaedah yang dikemukakan oleh 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dilihat lebih komprehensif berbanding kaedah Ibn 'Asyur. Hal ini kerana kaedah tersebut dapat menjadi satu garis panduan dalam menyelesaikan permasalahan serta dapat menentukan *maqasid al-syariah* berdasarkan keadaan semasa. Kaedah tersebut dilihat lebih terbuka berbanding Ibn 'Asyur. Ia memudahkan para mujtahid untuk mengenali *maqasid al-syariah* dengan pelbagai kaedah, di samping dapat mengaplikasikan dan memperkembangkan lagi ilmu *maqasid al-syariah* pada masa ini.

Hasilnya, ilmu *maqasid al-syariah* semakin berkembang disebabkan oleh kepesatan wacana dan perbincangan oleh para ulama dan mengaplikasikannya dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, perundangan Islam dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa *maqasid al-syariah* merupakan satu disiplin ilmu yang mempunyai disiplinnya tersendiri. Hal ini kerana *maqasid al-syariah* tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Oleh itu, para ulama dalam bidang *maqasid al-syariah* telah mencadangkan kaedah-kaedah untuk mengenal pasti *maqasid al-syariah* supaya *maqasid* yang terhasil itu adalah menepati tujuan syariat.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dilakukan terdapat persamaan dan perbezaan kaedah dalam kalangan ulama untuk mengenal pasti *maqasid al-syariah*. Terdapat dua persamaan kaedah dalam mengenal pasti *maqasid al-syariah* menerusi iaitu al-Quran dan Hadith dan kaedah *istiqlal*, manakala perbezaan pula terdiri daripada lima kaedah iaitu ijmak, qiyas yang muktabar, dalil yang sahih, akal dan eksperimen atau pengalaman (*tajribah*). Dalam kajian ini dapat dilihat bahawa kaedah yang dikemukakan oleh 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dilihat lebih terbuka berbanding kaedah yang dikemukakan oleh Ibn 'Asyur. Walaupun terdapat perbezaan kaedah dalam menentukan *maqasid al-syariah*, kaedah tersebut dapat dijadikan sebagai asas rujukan sarjana masa ini untuk mengembangkan lagi skop perbincangan tentang ilmu *maqasid al-syariah*.

Rujukan

- 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz Ibn 'Abd al-Salam. (1998). *Qawaid al-Ahkam fi islah al-Anam*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz Ibn 'Abd al-Salam. (1999). *Qawaid al-Ahkam fi islah al-Anam*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz Ibn 'Abd al-Salam. (2013). *Rules of the derivation of laws for reforming the people, terj. Qawaid al-Ahkam fi islah al-Anam*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Alias Azhar & Rahimin Affandi Abdul Rahim (2010). Aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian syariah. *Jurnal Fiqh*, (7), 1-28.
- Amir Husin Mohd Nor. (2002). *Falsafah perundangan Islam*. Batu Caves, Selangor: Mahzum Book services.
- Asfari Jaya Bakri. (1996). *Konsep maqasid al-syariah menurut al-Syatibiy*. Jakarta, Indonesia: PT RajaGrafindo Persada.
- Hasbullah Mat Daud. (2011). *Teori maqasid al-syariah: Kajian perbandingan antara pemikiran al-Syatibi dan 'Izz al-Din Ibn al-Salam*. (Disertasi yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibn 'Asyur, Muhammad Tahir. (2001). *Maqasid al-syariah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Ibn Manzur. (1993). *Lisan Al-'Arab*. Jld. 11. Beirut, Lubnan: Maktabah Tahqiq Al-Turath.
- Ibn Manzur. (1993). *Lisan Al-'Arab*. Jld. 7. Beirut, Lubnan: Maktabah Tahqiq Al-Turath.
- Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali, Nasir Mohamad, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Norhilmi Muhammad & Fazida Karim (2014). *Kualiti hidup: Pendekatan maqasid al-syariah*. Kuala Terengganu, Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Mohamad Akram Laldin. (2011). *Introduction to shariah and Islamic jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn Bhd.
- Mohd Hapiz Mahayadin. (2018). *Memahami proses istinbat hukum syarak*. Kepala Batas, Pulau Pinang: Excelligent Resources.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2013). *Yusuf al-Qaradhawi dan pengaruhnya dalam masyarakat Islam di Malaysia*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Muhammad Sayuti Mansor & Mohd Anuar Ramli. (2016). Pendekatan *pseudo-maqasid* dalam aliran hukum Islam semasa. Dlm. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli dan Shahidra Abdul Khalil, (Eds.), *Maqasid syariah: Aplikasi dalam aspek sosial dan perundangan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa'. (1998). *Al-madkhal al-fiqhi al-am*. Damsyik: al-Qalam.
- Mustafa Dib al-Bugha. (1993). *Athar al-adillah al-mukhtalif fi ha*. Damsyik: al-Qalam.
- Ruzian Markom. (2003). *Apa itu undang-undang Islam: Memahami undang-undang Islam dengan lebih berkesan*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Shahibuddin Laming. (2006). *Pemikiran al-Khindi: Pengaruh terhadap intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Ibn Saleh Ibn Umar. (2003). *Maqasid al-syariah 'inda al-Imam al-'Izz bin 'Abd al-Salam*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Zaharuddin Abd. Rahman. (2014). *Fiqh kewangan Islam: Halal dan haram dalam sistem jual beli Islam*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.